

Razakmas 2 ganti PA Seri Labuan

PENANTIAN 395 penduduk Perumahan Awam Seri Labuan sejak 10 tahun lalu untuk memiliki rumah yang lebih selesa akhirnya terbalas apabila menerima surat tawaran rumah baharu daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Selasa lalu.

Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, **Datuk Rizalman Mokhtar** berkata, perumahan ini mula didiami sejak 1981 dan mempunyai 640 unit rumah.

"Ya dimiliki oleh DBKL dan mempunyai dua jenis iaitu rumah satu bilik yang berkeluasan kira-kira 450 kaki

persegi (KPS) dengan kadar sewa RM94 sebulan.

"Satu jenis lagi mempunyai dua bilik dengan keluasan 550 kps dengan kadar sewa kira-kira RM124 sebulan," katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Rabu.

"Saiz rumah tersebut terlalu kecil untuk didiami oleh keluarga yang besar dan ia sudah tidak praktikal untuk didiami.

Kata Rizalman, Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Labuan yang mewakili pen-

duduk telah berunding dengan pihak pemaju serta KWP dan DBKL bagi menjalankan projek tersebut dan ia berlanjutan hampir tujuh tahun.

"Antara syarat utama penduduk, mereka setuju untuk membangunkan kawasan ini tetapi tidak setuju untuk dipindahkan.

"Sekiranya kawasan itu hendak dibangunkan, mereka tidak mahu dipindahkan ke kawasan lain dan pemaju harus membina terlebih dahulu rumah mereka.

"Oleh sebab itu, rumah tersebut dibina di atas tapak padang bola sehingga mengakibatkan protes dalam kalangan golongan

muda dan pihak DBKL menggantikan dua padang bola dengan jarak tidak sampai 100 meter daripada kawasan itu," katanya.

Rizalman berkata, terdapat dua kategori pemilik rumah yang layak untuk menerima rumah di Residensi Razakmas 2 yang berharga RM198 ribu secara percuma.

"Bagi kategori pertama, seramai 395 penduduk yang telah membeli rumah asal di PA Seri



PENDUDUK bersama Rizalman (tengah, baju putih) menunjukkan kediaman baharu mereka setinggi 40 tingkat yang terletak bersebelahan rumah lama.

Labuan dengan kadar harga RM28 ribu untuk unit yang mempunyai dua bilik manakala satu bilik pula dibeli dengan harga RM21 ribu daripada DBKL.

"Sekiranya mereka telah melangsaikan bayaran rumah lama dengan DBKL, mereka tidak akan dikenakan sebarang bayaran dan memiliki rumah baharu secara percuma.

"Bagi yang masih mempunyai baki bayaran bulanan melalui pinjaman dengan Syarikat Perumahan Wilayah Perse-

kutuan (SPWP) anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), mereka hanya perlu meneruskan bayaran bulanan sama seperti kadar yang telah ditetapkan sehingga selesai mengikut perjanjian," katanya sambil menambah baki 245 penduduk yang menyewa akan dibincangkan secara lanjut dengan pihak KWP dan DBKL.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri TPr Annuar Musa kerana telah memuktamadkan proses rundingan dan sehingga mem-

berikan kegembiraan kepada penduduk di sini yang telah mengharapkan rumah baharu sejak sekian lama.

"Tidak lupa jasa kepada bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor yang memulakan cadangan pembangunan tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Rizalman memberitahu, terdapat beberapa projek seumpama itu yang melibatkan PA Sri Johor, PA Sri Pulau Pinang dan PA Sri Ikan Emas yang melibatkan kira-kira 5,600 unit rumah.

"Kesemua projek pembangunan semula tersebut telah pun bermula dan jenis tawaran serta corak pembangunan adalah sama seperti ini dan ia sepatutnya siap seperti projek Razakmas 2.

"Namun sejak pertukaran kerajaan pada Mei 2018 yang lalu, kerja-kerja pembinaan telah terhenti setelah Barisan Nasional (BN) kalah.

"Sehingga kini, penduduk yang terlibat sering mengajukan persoalan terhadap masa depan projek tersebut dan saya berharap agar pihak KWP dan DBKL dapat menegerakan pembinaan," katanya. **W K**

Penantian 10 tahun berakhir, penduduk masuk rumah baru 2021

IMPIAN memiliki rumah yang lebih besar dan selesa untuk menghabiskan sisa kehidupan akhirnya menjadi kenyataan setelah 395 penduduk yang kebanyakan warga emas menerima surat tawaran dan bakal berpindah awal tahun hadapan.

Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Labuan, **Yusof**



YUSOF

Abdul Rahman, 68, berkata, perjuangannya hampir 10 tahun lalu terbalas setelah bakal



ROHANI

memasuki rumah baru tersebut awal tahun hadapan.

"Pelbagai kisah suka duka sepanjang menguruskan projek ini, namun setelah menerima surat tawaran pada Selasa lalu men-

jadi penamat terhadap perjuangan kami untuk mendapatkan rumah baharu yang lebih selesa

dan besar.

"Ya juga sebagai satu kepuasan apabila semua pemohon menerima rumah ini secara percuma tanpa perlu mengeluarkan perbelanjaan yang banyak," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Projek yang pernah terhenti beberapa kali ini akhirnya bakal siap sepenuhnya sedikit masa lagi.

"Pernah beberapa kali

projek ini dihentikan atas beberapa sebab dan ia melibatkan perbincangan mahkamah dan yang terakhir ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan," katanya.

Bagi Ibu tunggal, **Rohani Hussein, 62**, yang mendiami PA Seri Labuan sejak 36 tahun lalu bersyukur kerana impian menduduki rumah baharu bakal menjadi kenyataan.

"Kebetulan rumah saya yang didiami sekarang menghadap projek berkenaan, jadi setiap hari saya dapat melihat projek perumahan itu sehingga ia siap dinaiki,"

"Malah, saya tidak sabar untuk berpindah dan gembira kerana bakal menyambut bulan Ramadan dan Syawal di rumah baharu nanti," katanya. **W K**

Garis panduan penjualan arak: UMNO, PAS ucap tahniah

TINDAKAN tegas dan berani Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan langkah proaktif yang bersifat mensejahterakan masyarakat khususnya di ibu negara yang penuh dengan kesesakan.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Mohd Razlan Mohammad Rafii** berkata, penguatkuasaan tersebut adalah tindakan tepat dan jitu berikutan kebelakangan ini, banyak kes pemandu mabuk sehingga mengakibatkan kematian dilaporkan.

Malah, kata Naib Ketua UM-



MOHD RAZLAN



KAMARUZAMAN

NO Seputeh itu, penjualan perlu dihadkan susulan penemuan botol dan tin bergelimpangan di pondok-pondok bas sekitar kawasan perumahan.

Sehubungan itu, tegas beliau, kenyataan DAP yang

mengaitkan isu tersebut dengan keadaan ekonomi adalah tidak wajar kerana ia patut dilihat dari sudut lain termasuk berkaitan nyawa dan keselamatan penduduk.

"Ya disebabkan minuman keras itu boleh dibeli di kedai-kedai serbaneka malah terdapat juga di kedai runcit biasa," katanya dengan tindakan tegas itu, kadar penglibatan anak remaja dapat dibendung.

Sementara itu, Ketua Penerangan PAS, **Kamaruzaman Mohamad** menyatakan pihaknya

menyokong penuh tindakan DBKL tersebut.

Katanya, usaha proaktif DBKL itu harus diberi pujian kerana ia secara tidak langsung dapat mengatasi sebahagian daripada masalah sosial masyarakat seperti punca kemalangan jalan raya, kematian, keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak dan jenayah keganasan.

"Di samping itu, ketegasan tersebut dapat membantu dari aspek kesihatan seperti mencegah penyakit kanser serta penyakit lain yang berbahaya.

"Sebagai contoh, satu penyelidikan oleh Peter Anderson terhadap kesan pengambilan alkohol menyumbang 40 peratus daripada sembilan juta kanak-kanak bagi kes keganasan dan penderaan di Eropah," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah Kamaruzaman, segala kritikan daripada pihak yang cuba memanipulasikan isu tersebut dengan pelbagai alasan tidak perlu diberi perhatian kerana kesan arak sangat jelas membahayakan malah turut ditegah dalam agama. **W K**

Orang awam yang terkorban lebih merugikan negara

Buat perbandingan inklusif

DARI MUKA HADAPAN

PERBANDINGAN berhubung kerugian negara akibat garis panduan dan syarat permohonan Lesen Minuman Keras yang dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu dibuat secara inklusif dan bukan semata-mata ekonomi sahaja.

Tegas **Firdaus Wong Wai Hung**, perbandingan perlu dibuat secara menyeluruh malah, tindakan penguatkuasaan DBKL itu bukan satu bentuk pengharaman sebaliknya hanya menengahkan waktu dan lokasi demi kesejahteraan rakyat.

Ujar beliau, lebih merugikan negara adalah orang awam yang boleh menyumbang tiba-tiba terkorban dalam kemalangan akibat kecuai pemandu yang mabuk.

Menyentuh perihal keagamaan, kata beliau, majoriti ajaran tidak menggalakkan pengambilan minuman keras selain terdapat yang melarang penganutnya minum air yang

memabukkan.

“Apabila ada pemandu mabuk yang kemungkinan akan tercedera atau terkorban, bukan setakat nyawa orang Islam tetapi kebarangkalian ahli keluarga mereka sendiri sangat tinggi.

“Adakah mereka akan terus membantah sekiranya ahli keluarga atau kenalan yang terkorban akibat keadaan mabuk?,” soalnya kepada kelompok yang membantah.

Justeru, Firdaus Wong dengan lantang meminta bantahan dilakukan secara waras sejajar dengan hak dan kebebasan dalam negara demokratik.

Dalam pada itu, beliau menyeru semua warga kota agar sama-sama mendokong usaha yang baik supaya kemajuan dan kesejahteraan dapat diimbangkan.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Nadzim Johan** mengucapkan tahniah kepada DBKL atas usaha tersebut.

“Ia satu tindakan yang baik dan sepatutnya sejak dari dahulu lagi tidak dibenarkan.



MINUMAN keras dijual secara bebas di kedai-kedai serbaneka dan memudahkan remaja membelinya tanpa pengetahuan orang dewasa.

Alhamdulillah ini bermakna pihak berkuasa juga mengambil input dan cadangan yang dibawa rakyat.

“Terdapat merata-rata kedai yang menjual arak. Jadi, dengan terlaksananya perkara ini maka secara tidak langsung, masyarakat juga akan turut berubah ke arah lebih baik,” ujar beliau.

Bagi Presiden Pertubuhan Jalinan Martabat Malaysia (MJMM), **Abdul Rani Kulup Abdullah** pula, penguatkuasaan berkenaan sepatutnya dilak-

sanakan di seluruh negara.

Ini kerana, katanya, negara-negara luar turut mempunyai akta seumpama itu yang menghalang penggunaan alkohol secara terbuka selain menengahkan waktu.

“Malah, di Korea Selatan juga, alkohol tidak boleh diambil pada waktu siang atau semasa bekerja dan tindakan tegas akan dikenakan kepada pesalah termasuk buang kerja,” katanya yang menyokong penuh usaha DBKL.

WK



FIRDAUS

Garis Panduan dan Syarat permohonan Lesen Minuman Keras di Kuala Lumpur

PADA 15 November lalu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menguatkuasakan Garis Panduan dan Syarat permohonan Lesen Minuman Keras (*liquor* yang memabukkan) di Kuala Lumpur.

Garis panduan tersebut menetapkan bahawa kedai runcit dan kedai serbaneka tidak lagi dibenarkan menjual produk minuman keras bermula 1 Oktober 2021.

Malah, kedai menjual ubat tradisional Cina juga dikenakan larangan tersebut, tetapi pengecualian dibuat untuk produk minuman keras bagi ‘tujuan ubatan tradisional’.

“Untuk Lesen Minuman Keras sedia ada di kedai runcit, serbaneka, ubat Cina, pembaharuan dibenarkan sehingga 30 September 2021 sahaja.

“Bagaimanapun, penjualan bir dibenarkan setelah larangan dikuatkuasa, tetapi hanya dari pukul 7 pagi hingga 9 malam,” kata DBKL dalam satu kenyataan.

Menurut kenyataan itu, pemilik premis perlu memastikan minuman beralkohol dipamer berasingan dari minuman lain dan mengunci ruang rak tersebut selepas pukul 9 malam.

Selain itu, katanya, pembeli mesti

berumur tidak kurang 18 tahun manakala bagi pasaraya, hypermarket, hotel, bar dan pub pula, umur dihadkan kepada 21 tahun.

“Garis panduan baharu itu berkuatkuasa selepas rundingan dibuat dengan Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam Diraja, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain.

“Ia bertujuan untuk mengawal akses dan penggunaan produk minuman keras sambil memastikan kesihatan dan keselamatan warga kota.

“Garis panduan ini juga menetapkan had waktu minuman beralkohol boleh dijual mengikut jenis premis dengan pemohon atau pemegang lesen hanya untuk bukan Muslim,” tegasnya.

Dalam kenyataan tersebut, pemilik premis juga perlu menunjukkan lesen mereka bersama dengan kod QR di pintu masuk.

Tambahnya, bagi mereka yang membuat permohonan baru untuk lesen, mereka diminta untuk mengiklankan notis di akhbar tempatan bahasa Melayu,



bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil setiap hari selama tiga hari berturut-turut. WK

REAKSI WARGANET

IA tidak patut dikuatkuasakan di Kuala Lumpur sahaja, tetapi dilaksanakan di seluruh negara.

“Banyak orang India yang miskin menderita selama bertahun-tahun disebabkan keganasan rumahtangga yang diakibatkan penggunaan alkohol.”

MAHALINGAM CHELLIAH

LESEN baru bagus dibekukan sebab lesen jual arak sedia ada memang dah terlampau banyak.”

ISA JABAR

KAMI sokong 100 peratus. Tetapi kenapa lambat sangat? Buat serta merta.”

MUHAMMAD KALED

HARAP ‘consider guidelines’ yang lebih ketat untuk penjualan arak. Harap kedai-kedai serbaneka atau mart tidak dibenarkan menjual arak.”

IZUAN ALIAS

DI kawasan perkampungan saya, terdapat banyak kedai India jual arak murah. Tetapi saya tidak lihat sebarang penguatkuasaan dilakukan. “Kenapa ia berlaku? India mabuk terus wujud di negara ini.”

SAMY MUTHU

LANGKAH terbaik. Hentikan menjual arak murah. Harap ia dikuatkuasakan di seluruh Malaysia dan penguatkuasaan berjalan dengan integriti.”

RAJASOORIAN SINNAYAH

TINDAKAN yang bagus. Alkohol sepatutnya dijual di tempat tertutup dan terkawal.

“Pada masa hadapan, restoran yang menjual arak wajar membuat pemeriksaan tahap penggunaan alkohol sebelum pelanggannya keluar. Jika melebihi tahap yang ditetapkan, pengusaha restoran perlu mendapatkan teksi.”

ZAKIAH ALI

BAGUS. Sekurangnya, masyarakat terlibat boleh menyimpan sedikit duit untuk keluarga mereka.”

RENUKA DEVI

100 peratus setuju dan diharapkan Selangor dapat melaksanakan penguatkuasaan ini juga.”

MANJIT SINGH